

PM lawat Bosnia kukuhkan hubungan

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN**

UM: Khamis 21/6/2007

SARAJEVO 20 Jun - Lawatan rasmi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Bosnia dan Herzegovina esok bertujuan mempertingkatkan iklim pelaburan dan perdagangan antara kedua-dua negara serta memperkukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin.

Ini ialah lawatan pertama beliau ke negara tersebut sebagai Perdana Menteri.

Lawatan dua hari itu turut disertai oleh beberapa menteri Kabinet, timbalan menteri, Menteri Besar, ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli korporat serta perniagaan.

Menurut Duta Malaysia di Republik Serbia, Datuk Saw Ching Hong yang bertindak sebagai utusan khas sempena lawatan Perdana Menteri di sini, sebaik tiba esok, Abdullah akan mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Nikola

Spiric di kediaman rasminya di Konak, selain perjumpaan dengan anggota-anggota lembaga Presiden negara tersebut.

Pada majlis itu, katanya, Abdullah akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian mengelak percukaian berganda dan fiskal antara kedua-dua negara.

Menurut beliau, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar akan menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak Menteri Kewangan.

"Perdana Menteri kemudiannya dijadualkan menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-Bosnia di Hotel Radon Plaza dan menyampaikan ucap tama di situ.

"Forum tersebut dijangka dihadiri oleh lebih 300 peserta termasuk wakil daripada 38 syarikat di Malaysia," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ching Hong berkata, sempena lawatannya itu juga, Perdana Menteri akan mengambil peluang untuk mengunjungi bandar lama Sarajevo di Barcarsija.

Pada sebelah malam, jelasnya, Ab-

dullah akan diraikan oleh Nikola Spiric pada satu majlis jamuan makan.

Keesokannya, menurutnya, Perdana Menteri akan menyampaikan syarahan awam bertajuk *Masyarakat Majmuk dan Pembinaan Negara* di Universiti Sarajevo.

Universiti tersebut, tambahnya, akan menganugerahkan beliau Anugerah Pin Emas sebagai menghargai sumbangan besar Abdullah kepada pembangunan ekonomi di Bosnia.

"Ia merupakan anugerah tertinggi daripada universiti tersebut yang diwujudkan pada 2005 dan setakat ini hanya empat orang dipilih untuk menerimanya," katanya.

Ching Hong memberitahu, Abdullah kemudiannya akan merasmikan Masjid Malaysia di Nova Breka yang siap dibina pada tahun 2002 oleh syarikat Bumi Highway.

"Masjid bernilai RM1.8 juta itu dibina dengan bantuan kewangan kerajaan Malaysia. Beliau juga akan menunaikan sembahyang Jumaat di masjid tersebut," jelasnya.

- Utusan